

Tindakan tegas jika langgar syarat - Zuraida

BH ONLINE | Ahad, 22 Disember 2019 | 3:34pm



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin. NSTP/Farizul Hafiz Awang

KUALA LUMPUR: Syarikat Kredit Komuniti yang gagal mematuhi syarat dan garis panduan ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berdepan tindakan tegas termasuk dibatalkan lesen dan pendakwaan di mahkamah.

Amaran itu dikeluarkan Menteri KPKT, Zuraida Kamaruddin kepada 4,292 syarikat yang berdaftar dengan kementerian itu jika didapati gagal memenuhi garis panduan ditetapkan.

Beliau berkata, KPKT bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memantau semua syarikat Kredit Komuniti supaya tidak menjalankan perniagaan melampaui batas undang-undang.

“Jika ada aduan dan laporan, KPKT tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap syarikat terbabit. Setiap laporan yang diterima akan disiasat dengan kerjasama polis,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kejohanan Bola Sepak Piala YB Zuraida Kamaruddin di padang bola Tasik Tambahan di sini, hari ini.

BH dalam laporan muka depannya hari ini mendedahkan penjenamaan semula syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) kepada Kredit Komuniti dilihat gagal menyerlahkan imej baharu yang mahu ditampikan bagi perkhidmatan itu.

Selepas lapan bulan ia dilancarkan, majoriti syarikat PPW belum memenuhi garis panduan yang ditetapkan KPKT di bawah program itu termasuk tidak memasang papan tanda mengikut spesifikasi sebagai Kredit Komuniti.

Malah berdasarkan aduan yang diterima Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT, ada syarikat terbabit mengenakan faedah melebihi kadar ditetapkan iaitu 12 peratus setahun